

07 SEP 1999

Kesatuan-Kesak

KESATUAN KESAL GURU JADI MANGSA SERANGAN POLITIK

KANGAR, 7 Sept (Bernama) -- Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (KPPK) kesal terhadap serangan politik ke atas profesion perguruan sejak kebelakangan ini yang menggambarkan seolah-olah banyak guru menentang kerajaan.

Presidennya, Abu Bakar Shawkat Ali hari ini berkata, segelintir guru mungkin terbabit tetapi apa yang digambarkan seolah-olah jumlahnya besar.

"KPPK percaya, 95 peratus kakitangan kerajaan di seluruh negara termasuk 280,000 guru adalah penyokong kerajaan," katanya kepada pemberita di akhir persidangan perwakilan KPPK Semenanjung Malaysia di sini hari ini.

Menurut beliau, perkara itu adalah antara topik yang hangat dibincangkan pada persidangan selama tiga hari yang berakhir hari ini.

Beliau berkata, KPPK yang merupakan kesatuan guru terbesar di negara ini dengan keanggotaan lebih 90,000 orang guru akan menyiasat setiap dakwaan yang menyentuh profesion perguruan.

Dalam beberapa siasatan, KPPK mendapati dakwaan oleh kalangan tertentu yang berkaitan dengan profesion itu sama ada melalui ucapan atau bersurat adalah tidak berasas.

Sebagai contoh, katanya, beberapa guru di Kedah didakwa bertindak menentang kerajaan tetapi apabila disiasat, ia membabitkan guru sekolah agama rakyat dan bukan kakitangan kerajaan.

Siasatan juga dibuat mengenai dakwaan bahawa beberapa guru di sebuah sekolah di Melaka menyokong pembangkang, tetapi siasatan mendapati mereka taat kepada parti yang memerintah, kata beliau.

Menurutnya, para anggota perwakilan persidangan itu memberi sanjungan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak yang memahami profesion perguruan dan tidak pernah menyinggung perasaan guru.

Persidangan itu yang bermula Ahad lepas meluluskan 57 usul yang antara lain meminta kerajaan melanjutkan had persaraan kakitangan kerajaan daripada 55 tahun kepada 58 tahun.

Sementara itu, Abu Bakar mengekalkan jawatannya untuk penggal ketiga sebagai presiden kesatuan itu setelah mengetepikan tiga pencabarnya.

Turut mengekalkan jawatannya ialah timbalan presiden, Lim Cheng Uo dan Setiausaha Agung Siva Subramaniam yang juga Presiden CUEPACS.

-- BERNAMA

AD NMO